

Pusat biodiversiti UPM di Lembah Belum

KEGIATAN penyelidikan dalam bidang agrobioteknologi menjadi fokus utama Pusat Penyelidikan Biodiversiti yang akan ditubuhkan Universiti Putra Malaysia (UPM) di Lembah Belum, Perak, tidak lama lagi.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata berteraskan pertumbuhan dan kelestarian sumber alam semula jadi, penubuhan pusat itu bersesuaian dengan kepakaran kompetitif universiti dalam bidang agrobioteknologi, selain pertanian, biodiversiti dan bioteknologi.

Pusat itu katanya, turut berperanan menjalankan penyelidikan bidang strategik dan berpo-

tensi, selain mengkaji pelbagai permasalahan di kawasan berkenaan

“Lembah Belum kawasan yang kaya dengan khazanah alam semula jadi sewajarnya diteroka dan dikaji bagi menjana penemuan baru dalam bidang penyelidikan.

“Sehubungan itu, kita yakin dengan kepakaran yang ada membolehkan kekayaan sumber Lembah Belum dikongsi bersama bagi manfaat penyelidikan baru,” katanya.

Beliau berkata, kerjasama itu membolehkan sumber kejayaan biodiversiti Lembah Belum dieksploitasi ke tahap maksimum, sekali gus menjana pendapatan tambahan.

“UPM bangga kerana diberi kepercayaan dan tanggungjawab besar menggalas matlamat kerajaan memacu pembangunan biodiversiti dan bioteknologi”

**Dr Nik Mustapha
R Abdullah**
Naib Canselor UPM

Katanya, kerjasama direalisasikan menerusi pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara UPM yang diwakili Nik Mustapha dengan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Dr Abdul Rahman Hashim mewakili Kerajaan Perak.

“Tanggungjawab itu membuktikan pencapaian universiti sebelum ini yang sememangnya cemerlang dalam bidang bioteknologi dan biodiversiti sejajar dengan peranannya sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pertanian negara,” katanya.

Nik Mustapha berkata, UPM juga berupaya membangunkan modal insan dalam bidang agrobioteknologi sebagai sumber utama inovasi.